

ANALISIS HADITH-HADITH ZAKAT DALAM KARYA *SAHĪH AL-BUKHĀRĪ*

An Analysis On The Hadiths of Zakat in Sahīh al-Bukhārī

Mohd Murshidi Mohd Noor *

Ahmad Khilmy Abdul Rahim **

ABSTRACT

Hadith is the second most important source in Islam after the Quran. Muslims have given hadith great attention since the early period of Islam. Usually, the works of hadith are only referred to from the point of view of the hadith and not from the point of view of Fiqh. If we want to understand hadith, the books are considered unsuitable for public reading because they are only raw material that has not been mixed to be used as a reference in Islamic Laws. However, the works of hadith are not separated from the discussions of Fiqh according to the scholars who compiled them such as Imam al-Bukhārī. The translation of the chapter found in this work describes his works on the jurisprudence of hadith. This study utilizes qualitative research methods. Based on the importance of hadith in the discussion of Fiqh as emphasized by previous hadith scholars like Imam al-Bukhārī, this article aims to obtain some views of scholars in their discussion on the understanding of the hadiths of zakat accumulated in Sahih al-Bukhārī through the translation (tarjamah) of chapter by Imam al-Bukhārī, which is considered still relevant to be discussed nowadays.

* Senior Lecturer, Islamic Business School (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok, Kedah, Malaysia. [mursidi@uum.edu.my](mailto:murshidi@uum.edu.my).

** Senior Lecturer, Islamic Business School (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok, Kedah, Malaysia. khilmy@uum.edu.my.

Keywords: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī; Translation of Chapter; Hadiths of Zakat.*

PENDAHULUAN

Hadith merupakan sumber kedua terpenting dalam Islam setelah al-Quran. Hadith diberikan perhatian yang tinggi oleh umat Islam sejak dahulu lagi. Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, umat Islam sejak dahulu lagi mengakui bahawa Sunnah Nabawiyah merupakan sumber kedua dalam pensyariatan Islam setelah al-Quran. Hal ini merupakan perkara yang tidak berlaku *khilāf* dalam kalangan mereka yang meredai Allah sebagai Tuhan, dan Muhammad SAW sebagai nabi.¹ Setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW, hadith diusahakan oleh ulama untuk dikumpulkan agar ia tidak hilang. Banyak karya-karya yang menghimpunkan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Antaranya adalah *al-Kutub al-Sittah* iaitu enam kitab hadith terkenal yang terdiri daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Majah*. Daripada keenam-enam kitab hadith ini, kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* mempunyai banyak kelebihan berbanding kitab-kitab hadith yang lain kerana dihimpunkan kesemua hadith *ṣaḥīḥ* di dalamnya, di samping penyusunan hadith tersebut berdasarkan kepada topik-topik fiqh. Topik itu disusun dalam bentuk *tarjamah* bab yang mana ia merupakan hasil ijtihad Imam al-Bukhārī dalam permasalahan fiqh.

Biasanya karya-karya hadith hanyalah dirujuk dari sudut hadith yang terdapat di dalamnya, tidak dari sudut fiqh. Jika ingin memahami hadith, kitab-kitab hadith dikatakan tidak sesuai untuk pembacaan awam kerana ia hanyalah bahan mentah yang belum diadun untuk dijadikan rujukan dalam hukum hakam fiqh.² Namun begitu, karya-karya hadith tidak terlepas daripada perbincangan fiqh menurut ulama yang menyusunnya seperti Imam al-Bukhārī. *Tarjamah* bab yang terdapat di dalam karya ini menggambarkan akan *fiqh* beliau terhadap hadith.

¹ Yūsuf Ibn ‘Abdullāh al-Qaraḍāwī, *al-Sunnah Masdarān Li al-Ma‘rifah Wa al-Hadārah*, c. 3 (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2002), 7.

² Dalam bidang pendidikan, al-Quran dan hadith dianggap sebagai sumber normatif iaitu digunakan sebagai bahan mentah bagi pembentukan konsep pendidikan Islam. Lihat Asrul Dauly & Ja‘far, *Falsafah Pendidikan Islami Menguak Nilai-nilai Pendidikan Dalam Tradisi Islam*, (Medan: Perdana Publishing, 2016), xv.

Menurut Ibn Ḥajar, terkenal dalam kalangan ahli ilmu bahawa Imam al-Bukhārī terdapat pada *tarjamah* bab dalam *Šahīh al-Bukhārī*.³ Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, tidak menghairankan apabila seseorang pengkaji sunnah Nabawiyah akan mendapatkan kebaikan yang banyak apabila ia meneliti secara mendalam. Hal ini kerana sunnah itu sendiri adalah sumber kepada ilmu dan ketamadunan.⁴

Perbincangan berkaitan hadith-hadith zakat adalah begitu penting kerana Nabi SAW berperanan sebagai penjelas kepada isi kandungan al-Quran. Itulah peranan terpenting Rasulullah SAW diutuskan ke muka bumi. Allah SWT menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW adalah untuk baginda menerangkan kepada umatnya maksud al-Quran untuk difahami dengan sebenarnya, dan kehendak al-Quran untuk diamalkan. Hal ini merupakan fungsi kerasulan Nabi Muhammad SAW.⁵ Firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: “Dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.”⁶

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kepentingan hadith dalam perbincangan fiqh sebagaimana yang ditekankan oleh tokoh-tokoh hadith terdahulu seperti Imam al-Bukhārī, artikel ini bertujuan untuk mendapatkan beberapa pandangan ulama dalam perbincangan mereka mengenai pemahaman terhadap hadith-hadith zakat yang dihimpunkan dalam *Šahīh al-Bukhārī* menerusi *tarjamah bāb* oleh Imam

³ Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Šahīh al-Bukhārī*, (al-Riyāḍ: Dār Taybah, 2005), dalam *Hady al-Sārī*, 8-13.

⁴ Yūsuf Ibn ‘Abdullāh al-Qaraḍāwī, *al-Sunnah Masdarān Li al-Ma‘rifah Wa al-Ḥadārah*, 7.

⁵ *Ibid.*, 8.

⁶ Surah *al-Nahl*: ayat 44

al-Bukhārī, yang dikira masih relevan dan masih dibincangkan pada masa kini.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan kesesuaian dan bentuk kajian yang bakal dilakukan maka penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif. Rasionalnya, penyelidik berpendapat, kajian kualitatif ini sesuai bagi sesuatu kajian yang tidak berasaskan kepada hipotesis dan mampu membentuk suasana yang lebih kondusif dan kajian boleh dijalankan secara lebih natural. Selain itu, dalam kajian ini penyelidik juga mengumpulkan bahan-bahan bercetak dan dokumentasi khususnya buku-buku, kitab-kitab *turāth* (warisan Islam) karangan fuqaha silam, jurnal-jurnal, kertas kerja dan dokumen-dokumen bercetak yang lain untuk meninjau doktrin-doktrin dan hukum-hukum yang berkaitan dengan kajian ini. Kandungan bahan-bahan yang dinyatakan di atas akan dinilai dan dianalisis secara kualitatif kerana kesuaianya dengan bentuk bahan-bahan tersebut.

Pengumpulan Data Kajian

Kajian ini menggunakan satu teknik pengumpulan data iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan. Metodologi ini dipilih kerana bertepatan dengan bentuk kajian yang dijalankan dan dapat membantu ke arah mencapai objektif yang ditetapkan.

Kaedah atau metodologi ini memerlukan penyelidik membuat kajian perpustakaan iaitu penyelidik mencari bahan-bahan yang berkaitan ulasan ulama terhadap hadith-hadith yang dihimpunkan oleh Imam al-Bukhārī dalam topik zakat menerusi *tarjamah bāb* dengan merujuk kajian-kajian terdahulu, tesis-tesis, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, teks-teks *turāth* dan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Oleh itu, penyelidik mencari bahan-bahan berkenaan di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),

Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Analisis Data Kualitatif

Menurut Crabtree dan Miller,⁷ terdapat dua jenis analisis untuk data kualitatif iaitu jenis suntingan dan jenis kerangka (template).

i. Analisis Suntingan

Penyelidik membaca bahagian-bahagian dalam teks dengan teliti dan menulis interpretasinya (pemerhatiannya) di ruang sebelah teks tersebut. Kemudian, barulah ia membuat kod atau mengkategorikan pemerhatian tadi untuk dibaca semula dan membuat interpretasi lanjutan. Penyelidik berpendapat kaedah ini adalah menyamai kaedah deduktif yang dikenali sebagai kaedah istinbat dalam ilmu Usul al-Fiqh.⁸ Penyelidik menggunakan kaedah ini ketika menganalisis ulasan ulama berkaitan dengan hadith yang dihimpunkan oleh Imam al-Bukhārī.

ii. Analisis Kerangka (templat)

Analisis Kerangka bermaksud penyelidik menyediakan kerangka atau kod lebih awal sebelum analisis terperinci dibuat terhadap teks. Analisis jenis ini lebih bersifat terbuka, yakni boleh disemak semula selepas dipadankan dengan teks. Ia dibina berdasarkan teori, pengetahuan atau rumusan daripada teks yang dibaca. Analisis jenis ini bersamaan dengan kaedah induktif atau dikenali sebagai kaedah *istiqrā'* dalam kaedah penyelidikan Islam. Menerusi kaedah *istiqrā'*/induktif ini, penyelidik bermula dengan data yang terhad dan berasingan yang secara generatif terus mengumpul dan meneliti data tersebut sehingga persoalan yang dikaji menjadi jelas.⁹

⁷ Crabtree, B.F. & Miller, W.L., *Doing Qualitative Research* 3 (London: Sage, 1992), 125.

⁸ Louy Safi, *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat* (Kuala Lumpur: The International Institut of Islamic Thought, 1998), 93.

⁹ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 45.

IMAM AL-BUKHĀRĪ DAN KARYA SAHIH AL-BUKHĀRĪ

Nama penuh Imam al-Bukhārī ialah Muḥammad Ibn Ismā‘il Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mughirah Ibn Bardizbah.¹⁰ Beliau digelar sebagai Abū ‘Abdullāh.¹¹ Imam al-Bukhārī dilahirkan pada hari Jumaat, bertarikh 13 Syawal tahun 194 Hijrah. Beliau meninggal dunia pada malam Sabtu bersamaan malam hari raya Aidilfitri. Beliau dikebumikan pada hari raya Aidilfitri setelah solat Zohor bersamaan bulan Syawal tahun 256 Hijrah. Umur beliau pada ketika itu ialah 62 tahun.¹² Ilmu yang dimiliki oleh Imam al-Bukhārī adalah terlalu luas. Hal ini sebagaimana yang dikatakan oleh al-Tirimidhī dengan katanya:

“Aku tidak melihat orang di Iraq dan tidak juga di Khurasan yang menguasai ilmu al-‘ilal, al-tarikh, serta sanad-sanad hadith melebihi penguasaan yang dimiliki oleh Muḥammad Ibn Isma‘il”.¹³

Demikian juga yang diperkatakan oleh al-Hāfiẓ Abū ‘Alī Sālīḥ Ibn Muḥammad Ibn Jazrah dengan katanya:

“Orang yang paling menguasai berkaitan hadith dalam kalangan mereka ialah al-Bukhārī”.¹⁴

Guru Imam al-Bukhārī mencecah bilangan seramai seribu orang lebih. Berdasarkan catatan Imam al-Bukhārī sendiri, beliau menulis hadith daripada guru-gurunya yang berjumlah 1080 orang. Beliau berkata:

¹⁰ Abū Zakariyyā’ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā’ Wa al-Lughāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 1: 67.

¹¹ Abū al-‘Abbās Shams al-Dīn Ahmad Ibn Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Khalkān, *Wafayat al-A‘yan Wa Anba’ Abna’ al-Zaman* (Beirut: Dar Sabir, t.t.), 4: 188.

¹² Abū Bakr Aḥmad Ibn ‘Alī al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād Aw Madīnah al-Islām*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 2: 6.

¹³ Abū Zakariyyā’ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā’ Wa al-Lughāt*, 1: 70.

¹⁴ *Ibid.*, 1: 68.

“Aku menulis hadith yang aku ambil daripada 1080 orang guru. Mereka adalah para guru hadith. Mereka kesemua mengatakan bahawa iman itu ialah percakapan dan perbuatan, ia boleh bertambah dan berkurang.”¹⁵ Murid-murid Imam al-Bukhārī yang terkenal ialah antaranya Abū ‘Isa al-Tirmidhī, dan Muslim. Demikian juga para imam hadith lain yang terlalu ramai,¹⁶ merupakan murid kepada Imam al-Bukhārī.

Imam al-Bukhārī turut menghasilkan karya-karya yang menjadi rujukan ramai pihak. Antara karya beliau yang terkenal ialah *al-Jāmī` al-Şahīh*,¹⁷ *al-Tārīkh al-Kabīr*,¹⁸ dan sebagainya. Karya beliau yang paling penting dan masyhur ialah kitab *al-Jāmi` al-Şahīh* atau *Şahīh al-Bukhārī*. Beliau ada membicarakan berkaitan dengan penghasilan karya beliau ini dengan katanya:

“Tidaklah aku meletakkan satu hadith pun di dalam kitab ini melainkan aku akan mandi terlebih dahulu dan menunaikan solat sunat dua rakaat.”¹⁹

Tujuan Imam al-Bukhārī menghasilkan *Sahih al-Bukhārī* ialah untuk menzahirkan pemahaman hadith yang *sahīh* serta mengeluarkan beberapa faedah daripadanya. Faedah-faedah yang dikeluarkan itu dinyatakan oleh beliau dalam bentuk *tarājim al-abwāb* iaitu tajuk-tajuk bagi bab.²⁰ Oleh yang demikian, Imam al-Bukhārī bukanlah sekadar imam hadith semata-mata, malahan beliau juga adalah imam mujtahid yang dapat diperhatikan fiqh dan ijtihad beliau menerusi *tarajim al-*

¹⁵ Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn ‘Uthmān al-Dhahabī, *Siyār A'lām al-Nubalā'*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1997), 12: 359.

¹⁶ *Ibid.*, j. 12, h. 398.

¹⁷ *Ibid.*, j. 12, h. 405.

¹⁸ Abū Bakr Aḥmad Ibn ‘Alī al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdaḍ Aw Madīnah al-Islām*, 2: 8.

¹⁹ Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn ‘Uthmān al-Dhahabī, *Siyār A'lām al-Nubalā'*, 12: 405.

²⁰ Nur al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, c. 3, (Dimashq: Dār al-Fikr, 2003), 253.

abwāb tersebut. Sehinggakan terkenal dalam kalangan ulama bahawa ia merupakan satu kata nama yang digunakan untuk kadar yang dikhkususkan daripada harta yang khusus, ia wajib diagihkan kepada asnaf-asnaf yang telah dikhkususkan, dengan beberapa syarat.²¹

PENGERTIAN ZAKAT

Para ulama al-Shāfi‘iyah memberikan pengertian zakat bahawa ia merupakan satu kata nama yang digunakan untuk kadar yang dikhkususkan daripada harta yang khusus, ia wajib diagihkan kepada asnaf-asnaf yang telah dikhkususkan, dengan beberapa syarat.²²

HIKMAH PENSYARIATAN ZAKAT

Allah SWT telah memberikan kelebihan kepada sebahagian orang Islam dengan mengurniakan kepada mereka harta yang banyak. Selain mereka, Allah Taala menguji dengan sedikit harta. Oleh yang demikian, Allah Taala memfardukan ke atas orang yang kaya untuk menunaikan zakat, untuk diagihkan kepada golongan yang berhak menerima dana zakat tersebut. Zakat mempunyai kemaslahatan yang besar. Jika dinisbahkan kepada orang kaya, ia merupakan ubat yang mujarab bagi penyakit kedekut, serta tamak kepada harta. Justeru, zakat dapat mengajar mereka erti amanah yang ada di tangan mereka, untuk diserahkan kepada golongan yang berhak mendapatkannya. Akhirnya, hal ini akan dapat mewujudkan satu masyarakat yang saling tolong menolong antara satu sama lain.

Zakat juga dapat mengajar golongan kaya agar bersyukur dengan nikmat harta yang Allah Taala kurniakan kepada mereka, dengan memberikan sebahagian harta itu kepada fakir miskin, untuk menjaga maruah mereka daripada menagih simpati orang lain. Zakat bukanlah untuk kes belas kasihan daripda orang kaya terhadap orang miskin, tetapi

²¹ Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, ‘Ulūm al-Hadīth Aṣīluha Wa Mu‘āṣiruhā, c. 6, (Kajang: Dar al-Shakir, 2009), 62.

²² Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj Sharḥ al-Shaykh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb ‘alā Matn al-Minhāj* (Makkah: al-Maktabah al-Faysaliyyah, t.t.), 1: 368.

merupakan kefarduan yang diperintahkan oleh Allah untuk ditunaikan.²³ Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَتُزْكِيْهِمْ بِهَا

Terjemahan: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).”²⁴

Berdasarkan ayat ini, jelas bahawa zakat merupakan perintah Allah SWT ke atas umat Islam agar ia ditunaikan bagi melaksanakan tanggungjawab sosial sesama mereka, dan membersihkan diri daripada sifat mazmumah.

ANALISIS TOPIK ZAKAT DALAM KARYA *ŠAHĪH AL-BUKHĀRĪ*

Dalam karya *Šahīh al-Bukhārī*, topik zakat diletakkan setelah topik solat. Perletakan topik sedemikian dapat difahami menerusi banyak ayat di dalam al-Quran yang menggandingkan antara solat dan zakat. Dalam gandingan tersebut, Allah SWT mendahuluikan solat berbanding zakat. Antaranya ialah firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأُثْنَا الزَّكَةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعَيْنَ

Terjemahan: “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”²⁵

²³ ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr Ibn Mas‘ūd al-Kasānī al-Hanafī, *al-Bada’i‘ al-Šanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘* (Misr: Matba‘ah al-Imām, t.t.), 2: 811; Ahmad al-Māruf bi Shāh Waliyullāh ‘Abd al-Rahīm al-Dihlawī, *Hujjatullāh al-Bālighah* (Kaherah: Dār al-Turāth, t.t.), 1: 39; Yūsuf Ibn ‘Abdullāh al-Qaraḍāwī, *al-‘Ibādah fī al-Islām*, c. 15 (Misr: Maktabah Wahbah, 1985), 252.

²⁴ Surah *al-Mā’idah*: ayat 103.

²⁵ Surah *al-Baqarah*: ayat 43.

Berdasarkan ayat al-Quran ini, perkataan solat adalah didahulukan susunannya berbanding zakat. Oleh yang demikian, Imam al-Bukhārī mendahulukan topik solat berbanding zakat menerusi karya *Sahīhnya*.

Dalam topik zakat dalam karya *Sahīh al-Bukhārī*, terdapat sebanyak 118 hadith yang dimuatkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam karya tersebut, yang dibahagikan kepada 78 bab. Bilangan hadith itu adalah berdasarkan kepada susunan nombor menerusi terbitan al-Sultāniyyah, al-Kubrā al-Āmiriyah, Bulāq, Mesir.²⁶ Menurut al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menerusi karya *Fath al-Bārī*,²⁷ beliau mengatakan bahawa topik zakat dalam *Sahīh al-Bukhārī* mengandungi hadith *marfū'* sebanyak 172 hadith. Hadith yang *mawṣūl* berjumlah 119 hadith, manakala baki daripada itu adalah hadith dalam kategori *mutāba'ah* dan *mu'allaq*. Terdapat juga *athar* daripada sahabat dan tabiin yang berjumlah 20 *athar* kesemuanya. Bab-bab yang dikemukakan dalam topik zakat ini adalah seperti berikut:

Jadual 1: Bab-bab Zakat Dalam *Sahīh al-Bukhārī*

Bil.	Bab	Bilangan Hadith
1.	Diwajibkannya Zakat Dan Firman Allah, "Dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat." Baiat Untuk Menunaikan Zakat. Firman Allah, "Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka (mereka itu) adalah saudara-saudaramu seagma."	6
2.	Dosa Orang Yang Menolak Untuk Membayar Zakat. Firman Allah, "Orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafakkannya pada jalan Allah, maka beritakanlah kepada mereka (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih pada hari diperlakukan emas perak itu dalam neraka jahanam. Lalu, dibakar dengannya dari mereka, lambung dan punggung mereka. (Kemudian dikatakan) kepada mereka, 'Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu.'"	1
3.	Sesuatu yang Telah Dikeluarkan Zakatnya, Maka Itu Bukanlah Harta Simpanan, Mengingat Sabda Nabi, "Pada harta yang kurang dari lima <i>uqiyah</i> tidak wajib dizakati."	2
4.	Menafakkhan Harta pada Haknya Pamer (Riya) dalam Bersedekah Mengingat Firman Allah, "Hai orang-orang yang beriman janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan si penerima)", hingga firmannya, "Dan Allah tidak akan memberikan petunjuk bagi orang-orang kafir."	5
5.	0	1
6.		0

²⁶ Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibnu Ismā’īl Ibnu Ibrāhīm Ibnu al-Mughīrah Ibnu Bardizbah al-Bukhārī al-Ju‘fī, *Sahīh al-Bukhārī* (Misr: al-Sultāniyyah, 1311H), 2: 104-132.

²⁷ Ahmad Ibnu ‘Alī Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*, 4: 382.

Analisis Hadith-Hadith Zakat Dalam Karya *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*

7.	Allah Tidak Menerima Sedekah dari Hasil Pengkhianatan (Korupsi) dan Tidak Menerima Melainkan dari Hasil Usaha yang Halal Mengingat Firmannya, "Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik daripada sedekah yang diungkit-ungkit. Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun."	0
8.	Sedekah dari Hasil Usaha yang Halal Mengingat Firman Allah, "Dia menyuburkan sedekah. Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran, dan selalu berbuat dosa. Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal soleh, mendirikan solat dan menuai zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhanmu. Tidak ada kekhawatiran atas mereka dan tidak pula mereka bersedih hati."	1
9.	Memberikan Sedekah Sebelum Ditolak	4
10.	Takutlah kepada Neraka Meskipun dengan Memberikan Sedekah Separuh Butir Kurma, Sesuai Firman Allah, "Dan perumpamaan orang yang membelanjakan hartanya karena mencari keredaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka."; Dan Firmannya, "Dia mempunyai dalam kebun itu segala macam buah-buahan."	4
11.	Sedekah Manakah yang Lebih Utama, dan Sedekah Orang yang Kikir dan Sihat Tubuhnya, Mengingat Firman Allah, "Dan belanjakanlah sebagian dari apa yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu." Dan Firman-nya, "Hai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (di jalan Allah) sebagian dari rezeki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang hari yang pada hari itu tidak ada lagi jual beli dan tidak ada lagi persahabatan yang akrab."	2
12.	Sedekah dengan Terang-terangan Dan Firman Allah, "Orang-orang yang menafakahkan hartanya di malam dan di siang hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi Tuhanmu. Tidak ada kekhawatiran atas mereka dan tidak pula mereka bersedih hati."	0
13.	Sedekah <i>Sirri</i> (dengan Dirahsiakan)	0
14.	Jika Bersedekah kepada orang Kaya dan Ia Tidak Mengetahui bahwa Yang Diberi Itu Adalah Orang Kaya	1
15.	Apabila Bersedekah kepada Anaknya Sendiri Tetapi Ia Tidak Mengetahui bahwa Yang Diberi Itu Adalah Anaknya	1
16.	Sedekah dengan Tangan Kanan	2
17.	Orang yang Menyuruh Pelayannya Memberikan Sedekah dan Yang Diserahi Itu Tidak Mengambil Apa Pun dari Sedekah Itu Untuk Dirinya Sendiri	1
18.	Tiada Sedekah Kecuali Selebihnya dari Keperluan. Orang Yang Bersedekah Sedang Dia Sendiri atau Keluarganya Memerlukan, atau Dia Menanggung Hutang. Maka, Membayar Hutang Itu Harus Didahului daripada Bersedekah, Memerdekaan Budak, dan Memberi Hibah, Perbuatannya Itu Tertolak. Dia Tidak Boleh Merosakkan Harta Orang lain.	4
19.	Menyebut-nyebut Pemberian Mengingat Firman Allah, "Orang-orang yang menafakahkan harta mereka di jalan Allah kemudian mereka tidak mengikutinya dengan menyebut-nyebut dan menyakiti (perasaan si penerima)."	0
20.	Orang yang Menyukai Menyegekan Pemberian Sedekah pada Hari Memperoleh Apa yang Dapat Disedekahkan	1
21.	Suatu Anjuran yang Sangat Agar Bersedekah dan Memberikan Pertolongan	3
22.	Bersedekah Sesuai dengan Kemampuannya	1
23.	Sedekah Itu Dapat Menebus Dosa	1
24.	Orang yang Bersedekah Sewaktu Ia Masih Musyrik Lalu Masuk Islam	1
25.	Pahala Pelayan Apabila Bersedekah dengan Perintah Tuannya, Tanpa Membuat Kerusakan	2
26.	Pahala Wanita Jika Bersedekah dan Memberi Makanan dari Rumah Suaminya Tanpa Membuat Kerusakan	3
27.	Firman Allah, "Adapun orang yang memberikan (hartanya di jalan Allah) dan bertakwa, dan membenarkan adanya pahala yang terbaik (syurga), maka kelak Kami akan menyiapkan baginya jalan yang mudah. Dan, adapun orang-orang yang bakhil dan merasa dirinya cukup, serta mendustakan pahala yang terbaik, maka kelak kami akan menyiapkan baginya (jalan) yang sukar." Ya Allah, Berilah Ganti kepada Orang yang Mengeluarkan Infak.	1

28.	Perumpamaan Orang yang Suka Bersedekah dan Yang Kikir Sedekah/Zakat Hasil Usaha dan Perdagangan, Mengingat Firman Allah, "Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.", Hingga Firman-Nya, "Sesungguhnya Allah Maha kaya lagi Maha Terpuji."	2
29.	Setiap Muslim Itu Mesti Bersedekah. Barangsiapa yang Tidak Menemukan Sesuatu untuk Disedekahkan, Hendaklah Mengerjakan Kebaikan	0
30.	Berapa Kadar yang Mesti Diberikan dari Zakat yang Wajib dan Sedekah yang Sunnah, serta Hukum Orang yang Memberikan Seekor Domba	1
32.	Zakat Perak	1
33.	Masalah Benda (Selain Emas dan Perak) dalam Zakat	2
34.	Tidak Boleh Dikumpulkan Barang Yang Terpisah dan Tidak Boleh Dipisahkan Barang yang Terkumpul.	1
35.	Sesuatu yang Terdiri dari Dua Campuran, Maka Keduanya Diambil Secara Sama	1
36.	Zakat Unta	1
37.	Orang yang Sudah Berkewajiban Mengeluarkan Zakat Berupa <i>Bintu Makhadh</i> (Unta yang Sudah Berumur Satu Tahun dan Memasuki Tahun Kedua), Tetapi Ia Tidak Memilikinya	1
38.	Zakat Kambing	1
39.	Tidak Boleh Digunakan Sedekah Binatang yang Tua, Buta, dan Pejantan Kecuali yang Dikehendaki oleh Penarik Zakat	1
40.	Mempergunakan Anak Kambing Betina untuk Bersedekah	2
41.	Tidak Boleh Diambil Kemuliaan Harta Orang-Orang dalam Zakat	1
42.	Tidak Wajibnya Zakat untuk Pemilik Unta di Bawah Lima Ekor	1
43.	Zakatnya Lembu	1
44.	Memberikan Zakat kepada Keluarga	2
45.	Tidak Ada Zakat bagi Seorang Muslim pada Kudanya	1
46.	Tidak Ada Zakat atas Seorang Muslim pada Hamba Sahayanya	1
47.	Sedekah kepada Anak-Anak Yatim	1
48.	Berzakat kepada Suami dan Anak-Anak Yatim yang dalam Peliharaan	2
49.	Firman Allah, "Wafirriqaabi Wal-gharimiina Wa Fii Sabillillah."	1
50.	Menahan Diri dari Meminta-minta	4
51.	Orang yang Dikurniai Allah Sesuatu Bukan karena Ia Meminta-minta dan Bukan karena Jiwa yang Tamak, dan Firman Allah, "Pada harta mereka terdapat hak bagi orang miskin yang meminta-minta dan orang yang tidak meminta-minta."	1
52.	Orang yang Meminta kepada Orang-Orang Lain karena Ingin Memperbanyak Harta Secara Berlebihan	2
53.	Firman Allah, "Mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak", dan Berapa Jumlah Kekayaan, dan Sabda Nabi, "Ia tidak mendapatkan kekayaan yang mencukupinya," Mengingat Firman Allah, "Kepada orang-orang miskin yang tertahan di jalan Allah, mereka tidak dapat melakukan bepergian di muka bumi," Hingga Firmannya, "Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui terhadapnya."	5
54.	Jumlah Perkiraaan Buah dalam Kebun Kurma	2
55.	Zakat Sepersepuluh pada Sesuatu yang Disiram dengan Air Hujan dan dengan Air yang Mengalir Seperti Sungai	1
56.	Tidak Ada Zakat Hasil Tanaman di Bawah Lima Wasaq	1
57.	Mengambil Zakat Kurma pada Saat Menuai, dan Apakah Anak-Anak Dibiarkan Saja Jika Mengambil Kurma Sedekah (Zakat)?	1
58.	Orang yang Menjual Buah-buahan, Kurma, Tanah yang Ada Buah-buahannya atau Tanamannya, Padahal Sudah Wajib Mengeluarkan Zakat Sepersepuluh. Lalu Ia Membayar Zakat dengan Barang lain, atau Menjual Buah-Buahnya yang Belum Wajib Zakat	3
59.	Bolehkah Seseorang Membeli Sedekahnya Sendiri?	2
60.	Keterangan Tentang Bersedekah Untuk Nabi	1
61.	Bersedekah Kepada Para Hamba Sahaya Isteri-Isteri Nabi yang Telah Dimerdekan	2
62.	Apabila Sedekah Berubah Statusnya Menjadi Hadiah	2

63.	Mengambil Zakat dari Orang Kaya dan Diberikan Kepada Orang-Orang Fakir di Tempat Mereka Berada	1
64.	Memohonkan Rahmat dan Mendoakan oleh Imam Untuk Orang yang Bersedekah, dan Firman Allah, "Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka, dan doakanlah mereka. Sesungguhnya doa kamu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka."	1
65.	Sesuatu yang Dikeluarkan dari Laut	1
66.	Zakat Rikaz Itu Adalah Seperlima	1
67.	Firman Allah, "Pengurus-pengurus Zakat", dan Perhitungan Para Pengurus Zakat dengan Imam	1
68.	Menggunakan Unta Sedekah dan Air Susunya untuk Ibnu Sabil	1
69.	Imam Memberi Stempel Besi pada Unta Zakat	1
70.	Kefardhuhan Zakat Fitrah	1
71.	Zakat Fitrah Itu Diwajibkan Atas Hamba Sahaya dan Lainnya dari Kaum Muslimin	1
72.	Zakat Fitrah Berupa Satu <i>Sha'</i> Gandum	1
73.	Zakat Fitrah Berupa Satu <i>Sha'</i> Makanan	1
74.	Zakat Fitrah Berupa Satu <i>Sha'</i> Kurma	1
75.	Satu <i>Sha'</i> dari Kismis (Anggur Kering)	1
76.	Mengeluarkan Zakat Fitrah Sebelum Solat Raya	2
77.	Zakat Fitrah Itu Wajib Atas Orang Merdeka dan Hamba Sahaya	1
78.	Zakat Fitrah Itu Wajib Atas Anak Kecil dan Orang Dewasa	1
Jumlah		118

Berdasarkan kepada bab-bab zakat berdasarkan hadith dalam *Šahīh al-Bukhārī* di atas, sebanyak 46 bab mengandungi satu (1) teks hadith, 14 bab mengandungi dua (2) teks hadith, tiga (3) bab mengandungi tiga (3) teks hadith, empat (4) bab mengandungi empat (4) teks hadith, dua (2) bab mengandungi lima (5) teks hadith, satu (1) bab mengandungi enam (6) teks hadith dan enam (6) bab tidak mengandungi sebarang hadith di dalamnya. Oleh yang demikian, kebanyakan bab dalam topik zakat dalam *Šahīh al-Bukhārī* adalah mengandungi satu teks hadith iaitu mewakili 46 bab kesemuanya. Terdapat satu bab yang mengandungi hadith terbanyak dalam topik zakat iaitu bab pertama yang memperihalkan mengenai kewajipan menunaikan zakat. Enam bab yang tidak mengandungi hadith itu kemungkinan kerana hadith-hadith yang berkaitan dengan bab tersebut tidak menepati syarat *šahīh* bagi Imam al-Bukhārī, tetapi menepati syarat *šahīh* bagi imam-imam hadith yang lain, atau Imam al-Bukhārī berpada dengan ayat-ayat al-Quran sahaja bagi bab-bab yang dinyatakan itu.

FIQH IMAM AL-BUKHĀRĪ DAN ISU SEMASA ZAKAT

Bagi menganalisis isi perbincangan tentang zakat dalam *Šahīh al-Bukhārī*, penulis hanya memberikan penumpuan kepada permasalahan-permasalahan yang dibicarakan oleh Imam al-Bukhari dalam karya

sahihnya yang menurut pemerhatian penulis masih relevan untuk diketengahkan dalam artikel ini. Bab-bab yang dibentuk oleh Imam al-Bukhārī dalam karya *ṣahīhnya* adalah berasaskan kepada permasalahan-permasalahan tentang zakat serta pandangan beliau untuk menyelesaikan permasalahan itu berdasarkan hadith-hadith *ṣahīh* yang dikemukakannya. Tajuk-tajuk yang dipilih oleh penulis menerusi karya *Sahīh al-Bukhārī* adalah seperti berikut:

Memberi Zakat Kepada Orang Yang Tidak Berhak (Bukan Asnaf)

Tindakan tersalah memberi zakat kepada mereka yang tidak berhak, boleh sahaja terjadi terutamanya bagi mereka yang mengagihkan sendiri zakat tanpa melalui perantaraan amil. Kadangkala, pihak amil juga boleh tersalah dek kerana pemohon zakat yang menipu maklumat-maklumat peribadinya sehingga amil tersalah apabila merujuk kepada data-data palsu yang diberikan itu. Berdasarkan laporan akhbar, lebih 4,000 keluarga daripada 41,438 keluarga asnaf fakir dan miskin dari sembilan daerah di salah satu negeri di Malaysia, yang menerima zakat pada tahun 2015, dikesan tidak ‘asli’ kerana menyembunyikan maklumat sebenar.²⁸ Berdasarkan kes ini menunjukkan bahawa boleh sahaja pihak amil tersalah mengagihkan zakat kepada mereka yang tidak berhak disebabkan pemohon menyembunyikan fakta sebenar berkaitan dirinya.

Sehubungan permasalahan ini, Imam al-Bukhārī menyatakan dalam *tarjamah* bab dengan katanya:

“Jika Bersedekah kepada orang Kaya dan Ia Tidak Mengetahui bahawa Yang Diberi Itu Adalah Orang Kaya.”²⁹

²⁸ Wan Noor Hayati Wan Alias dan Wan Nur Faliquha Wan Hazani, 4000 Penerima Zakat Selangor Dikesan ‘Tak Asli’, laman sesawang *Berita Harian Online*, diakses pada 7 November 2022, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/80790/4000-penerima-zakat-selangor-dikesan-tak-asli.>.

²⁹ Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah Ibn Bardizbah al-Bukhārī al-Ju‘fī, *Sahih al-Bukhari*, dalam Kitab al-Zakāh, Idhā Taṣaddaqa ‘alā Ghaniy wa Huwa Lā Ya‘lam, no. Hadith 1421, 2: 110.

Seterusnya, Imam al-Bukhārī merujuk kepada satu riwayat yang mengisahkan mengenai seorang lelaki yang tersalah memberikan sedekah kepada orang kaya. Hadith tersebut ialah:

قَالَ رَجُلٌ : لَا تَصْدِقَنَّ بِصَدَقَةِ، فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ، فَوَضَعَهَا فِي يَدِ سَارِقٍ، فَأَصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ : تُصْدِقَ عَلَى سَارِقٍ فَقَالَ : اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، لَا تَصْدِقَنَّ بِصَدَقَةِ، فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا فِي يَدَيِ زَانِيَةِ، فَأَصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ : تُصْدِقَ اللَّيْلَةَ عَلَى زَانِيَةِ، فَقَالَ : اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، عَلَى زَانِيَةِ؟ لَا تَصْدِقَنَّ بِصَدَقَةِ، فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ، فَوَضَعَهَا فِي يَدَيِ غَنِيِّ، فَأَصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ : تُصْدِقَ عَلَى غَنِيِّ، فَقَالَ : اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، عَلَى سَارِقٍ وَعَلَى زَانِيَةِ وَعَلَى غَنِيِّ، فَأُتِيَ فَقِيلَ لَهُ : أَمَا صَدَقَتُكَ عَلَى سَارِقٍ فَلَعَلَّهُ أَنْ يَسْتَعِفَ عَنْ سُرِقَتِهِ، وَأَمَا الزَّانِيَةُ فَلَعَلَّهَا أَنْ تَسْتَعِفَ عَنْ زِنَاهَا، وَأَمَا الغَنِيُّ فَلَعَلَّهُ يَعْتَرِفُ فَيُنْفَقُ مِمَّا أَعْطَاهُ اللَّهُ

Terjemahan: "Seseorang mengatakan, sungguh, aku akan menyedekahkan satu sedekah. Lantas ia keluar membawa sedekahnya dan meletakkannya di tangan seorang pencuri. Keesokan harinya orang-orang membicarakan, "Ada seorang pencuri diberi sedekah!" Orang itu berkata, "Ya Allah, bagi-Mu segala puji, sungguh aku akan menyedekahkan satu sedekah lagi." Ia keluar membawa sedekahnya lalu meletakkannya di tangan wanita pezina. Keesokan harinya orang-orang membicarakan, "Semalam seorang pezina diberi sedekah!" Ia berkata, "Ya Allah, bagi-Mu segala puji atas (rezeki yang Engkau berikan pada) seorang pezina. Sungguh aku akan menyedekahkan satu sedekah lagi." Ia keluar membawa sedekahnya lalu meletakkannya di tangan orang kaya. Pagi harinya orang-orang membicarakan, "Seorang kaya diberi sedekah!" Ia berkata, "Ya Allah, bagi-Mu segala

pujian atas (rezeki yang engkau berikan) pada seorang pencuri, seorang pezina dan orang kaya." Orang itu didatangi dan dikatakan padanya, "Tentang sedekahmu pada pencuri barangkali ia akan menghentikan tindak pencuriannya, tentang (sedekahmu) pada wanita pezina barangkali ia akan menghentikan praktek zinanya dan tentang (sedekahmu) pada orang kaya barangkali ia mengambil pelajaran lalu menginfakkan sebagian harta yang Allah berikan padanya."

Riwayat di atas dari sudut zahirnya, dapat difahami bahawa syarak tidak menyalahkan tindakan lelaki yang menyalurkan sedekahnya kepada orang yang salah, malahan tindakan yang dilakukan olehnya itu dipuji oleh syarak, kerana orang kaya yang diberikan sedekah itu diharapkan agar ia menginsafi dirinya daripada sifat bakhil. Dalam hal ini menampakkan bahawa Imam al-Bukhārī cenderung untuk mengatakan bahawa situasi pembayar zakat yang tersalah menyalurkan zakat, tidak dipertanggungjawabkan apa-apa kerana kesilapan yang berlaku itu tidak disengajakan. Berkaitan dengan permasalahan ini, para fuqaha berbeza pandangan kepada dua *qawl*, ada yang mengatakan bahawa zakat itu tidak sah, dan ada yang mengatakan bahawa zakat itu adalah sah.

Qawl yang pertama ialah *qawl* yang dipegang oleh Mazhab Mālikī, Shāfi‘ī, Abū Yūsuf dalam kalangan ulama bermazhab Ḥanafī dan satu riwayat daripada mazhab Ḥanbalī. Mereka mengatakan bahawa sesiapa yang menyalurkan sendiri kepada golongan yang disangka olehnya adalah fakir, lalu ternyata bahawa orang itu kaya, maka zakat yang disalurkan itu tidak sah, serta menjadi tanggungan ke atas orang yang tersalah salur itu dengan cara mengambil semula bantuan yang diberikan kepada orang tersebut, lalu disalurkan kepada orang yang berhak mendapatkan zakat. Sekiranya orang itu telah mati atau muflis, maka orang yang tersalah salur zakat itu wajib menggantikan zakat tersebut untuk diberikan pula kepada mereka yang berhak, melainkan sebahagian ulama al-Shāfi‘īyyah mengatakan bahawa sekiranya orang yang tersalah terima itu telah meninggal dunia, atau pun jatuh muflis, tiada tanggungan ke atas orang yang tersalah salur itu, kerana kesilapan

yang terjadi itu berpunca daripada sangkaannya semata-mata, bukannya disengajakan.³⁰

Sekiranya kesilapan pengagihan zakat dilakukan oleh pemerintah, maka zakat itu adalah dikira sah dan tiada apa-apa tanggungan ke atas pembayar zakat dan tidak juga ke atas pemerintah. Hal ini kerana pemerintah adalah *nā’ib* kepada golongan yang berhak untuk menerima zakat. Selain itu, pemerintah pada bila-bila masa sahaja boleh mencabut bantuan zakat daripada orang yang tersalah itu, sama ada ia memberitahu kepada orang tersebut bahawa itu adalah bantuan zakat atau tidak diberitahu, untuk disalurkan kepada orang yang lebih berhak. Sekiranya orang yang tersalah diberikan zakat itu jatuh muflis, atau kehilangan harta benda, pemerintah pula tidak menemui cara untuk mendapatkan semula harta zakat daripada orang tersebut, maka tiada tanggungan apa-apa ke atas pemerintah, kerana ia hanya dikira sekadar pemegang amanah sahaja.³¹

Berdasarkan kepada *qawl* golongan yang pertama, mengenal pasti asnaf untuk diberikan bantuan zakat adalah tersangat penting agar tidak tersalah memberikan zakat kepada mereka yang tidak berhak. Jika mengagihkan sendiri zakat, lalu didapati bahawa orang yang diberikan zakat itu tidak berhak menerima zakat, maka zakat yang diberikan itu tidak sah. Oleh yang demikian, jalan yang lebih selamat untuk

³⁰ ‘Abd al-Ghanī al-Ghanīmi al-Dimashqī al-Maydānī al-Ḥanafī, *al-Lubab fi Sharh al-Kitab* (Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1993), 1: 156; Fakhr al-Dīn ‘Uthman Ibn ‘Alī al-Zayla‘ī al-Ḥanafī, *Tabyīn al-Ḥaqā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq*, c. 2, (Kaherah: Matabi‘ al-Faruq al-Hadithah, t.t.), 1: 304; al-Qādī ‘Abd al-Wahhāb al-Baghdādī, *al-Ma‘ūnah ‘alā Madhhāb Ahl al-Madīnah*, (al-Riyād: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bazz, t.t.), 1: 445; Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, (t.t.: Dār al-Fikr, t.t.), 2: 70-80; Abū Zakariyyā‘ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 2: 199; *al-Mughnī*, 2: 280; ‘Alā’ al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Ali Ibn Sulaymān al-Mardawī, *al-Insāf fī Ma‘rifah al-Rājih min al-Khilāf*, (Beirut: Dar Ihya‘ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.), 3: 264.

³¹ ‘Abd al-Ghanī al-Ghanīmi al-Dimashqī al-Maydānī al-Ḥanafī, *al-Lubab Fi Sharh al-Kitab*, 1: 156; Fakhr al-Dīn ‘Uthman Ibn ‘Alī al-Zayla‘ī al-Ḥanafī, *Tabyīn al-Ḥaqā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq*, c. 2, 1: 304; al-Qādī ‘Abd al-Wahhāb al-Baghdādī, *al-Ma‘ūnah ‘alā Madhhāb Ahl al-Madīnah*, 1: 445; Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, 2: 70-80; Abū Zakariyyā‘ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, 2: 199; *al-Mughnī*, 2: 280; ‘Alā’ al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Ali Ibn Sulaymān al-Mardawī, *al-Insāf fī Ma‘rifah al-Rājih min al-Khilāf*, 3: 264.

menjadikan penunaian zakat seseorang sah menerusi *qawl* golongan yang pertama ini ialah melalui saluran amil, walaupun kemungkinan bantuan yang disalurkan oleh amil itu nanti juga tersalah, namun ia dimaafkan oleh syarak, serta sah pemberian zakat itu menurut *qawl* golongan yang pertama ini.

Qawl yang kedua dipegang oleh Abu Hanifah, Muhammad dan mazhab Hanbali yang mengatakan bahawa sesiapa sahaja yang menyalurkan zakat kepada seseorang yang disangka oleh mereka sebagai fakir, lalu setelah itu ternyata ia kaya, maka sah pemberian zakat itu, dan tidak perlu zakat itu diminta untuk dikembalikan.³² Berdasarkan kepada *qawl* golongan kedua ini, menampakkan dari sudut zahirnya bahawa pandangan Imam al-Bukhārī bersesuaian dengan *qawl* golongan ini, setelah diperhatikan kepada *tarjamah* bab yang dilakukan oleh beliau, serta hadith yang diriwayatkan olehnya dalam bab tersebut.

Dari sudut pelaksanaannya di Malaysia, menerima pakai *qawl* golongan yang pertama adalah lebih berhati-hati, agar umat Islam tidak mengambil mudah terhadap golongan yang disalurkan bantuan zakat kepada mereka, kerana kemungkinan mereka bukanlah dalam kalangan asnaf. Oleh yang demikian, menyalurkan terus bantuan kepada golongan yang disangka asnaf, tetapi rupa-rupanya bukan asnaf, merupakan risiko untuk tidak sahnya zakat yang disalurkan. Justeru, cara yang lebih selamat ialah menyalurkan bantuan zakat kepada pihak amil yang diberikan tugas untuk mengenal pasti asnaf, serta menyalurkan bantuan zakat kepada mereka. Hal ini kerana tiada *khilāf* antara dua *qawl* itu menerusi pemberian zakat kepada amil dalam isu ini. Menurut Mahmood Zuhdi Abd. Majid, pengagihan zakat oleh pemerintah adalah berdasarkan kepada ijtihad bagi kepentingan rakyatnya. Oleh itu, zakat

³² Fakhr al-Dīn ‘Uthman Ibn ‘Alī al-Zayla‘ī al-Ḥanafī, *Tabyīn al-Ḥaqā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq*, 1: 304; ‘Abd al-Ghanī al-Ghanīmī al-Dimashqī al-Maydānī al-Ḥanafī, *al-Lubab fi Sharḥ al-Kitab*, 1: 156-157; ‘Alā’ al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Ali Ibn Sulaymān al-Mardawī, *al-Insāf fī Ma‘rifah al-Rājih min al-Khilāf*, 3: 264; Mansūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī, *Kashf al-Qinā‘ ‘An Matn al-Iqnā‘*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 2: 295 dan Mansūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt al-Musamma Daqā‘iq Uli al-Nuhā Li Sharḥ al-Muntahā* (Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1993), 3: 465.

berkenaan tetap sah, walaupun berlaku kesilapan dalam pengagihannya.³³

Hutang, Keperluan dan Penunaian Zakat

Pada zaman kini, tiada sesiapa yang boleh mendabik dada bahawa ia terbebas daripada bebanan hutang dalam peruntukan kewangan peribadinya. Kaya mana pun seseorang itu, ia tetap berhutang kepada pihak lain. Dari sudut hutang dan penunaian zakat, terdapat perbincangan oleh ulama bahawa hutang itu perlu dilunaskan terlebih dahulu. Apabila cukup *ḥawl* dan *niṣāb*, barulah ia dikenakan zakat ke atas baki kewangannya yang masih tertinggal setelah dilunaskan hutangnya.

Selain hutang, perbelanjaan untuk keperluan diri dan ahli keluarga juga perlu diambil kira bagi membebaskannya daripada pembayaran zakat. Oleh itu, apabila dilakukan pemotongan terhadap hutang, keperluan diri dan ahli keluarganya, lalu hartanya tidak mencukupi *niṣāb* untuk membayar zakat, maka ia tidak diwajibkan membayar zakat. Hal ini dinyatakan oleh Imam al-Bukhārī dalam karya sahihnya dengan katanya:

بَابُ لَا صَدَقَةَ إِلَّا عَنْ ظَهُورٍ غَيْرِ وَمَنْ تَصَدَّقَ وَهُوَ مُحْتَاجٌ، أَوْ أَهْلُكُ
مُحْتَاجٌ، أَوْ عَلَيْهِ دَيْنٌ، فَالَّذِينُ أَحَقُّ أَنْ يُفْضَى مِنَ الصَّدَقَةِ

Terjemahan: “Bab menjelaskan tidak dianjurkannya sedekah kecuali dalam keadaan pendapatan lebih yang mencukupi. Barangsiapa yang bersedekah, sedangkan dia dalam keadaan memerlukan harta itu, atau keluarganya memerlukan harta tersebut, atau ia memiliki tanggungan hutang, maka hutangnya lebih berhak untuk dibayar daripada ia bersedekah.”³⁴

³³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 483.

³⁴ Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah Ibn Bardizbah al-Bukhārī al-Ju‘fī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, 2: 112.

Selain itu, menurut Imam al-Bukhārī lagi berdasarkan *tarjamah* babnya, jika seseorang itu lebih mengutamakan pembayaran zakat walaupun tanpa pemotongan nilai hutang, keperluan diri dan ahli keluarganya, kerana lebih mengutamakan keperluan orang lain seperti yang dilakukan oleh Sayyidunā Abu Bakr RA, maka boleh sahaja ia melakukan demikian. Tanpa melakukan pemotongan, maka kiraan *niṣāb*nya adalah mencukupi berbanding dilakukan pemotongan. Dalam hal ini, ia dikira sebagai seseorang yang memiliki kesabaran dan tawakal yang tinggi. Demikian juga tindakan yang dilakukan oleh orang-orang Ansar yang lebih mengutamakan orang-orang Muhibbin berbanding diri mereka sendiri, walaupun mereka memerlukan harta yang disedekahkan itu. Konsep seperti ini adalah berdasarkan *tarjamah* bab yang dinyatakan oleh Imam al-Bukhārī iaitu:

إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَعْرُوفًا بِالصَّبَرِ، فَيُؤْتَرُ عَلَى نَفْسِهِ وَلَوْ كَانَ بِهِ خَصَائِصٌ
كَفْعَلٌ أَيْ بَكْرٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حِينَ تَصَدَّقَ بِمَا لَهُ وَكَذَلِكَ آثَرَ
الْأَنْصَارُ الْمُهَاجِرِينَ وَهُنَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ إِضَاعَةِ الْمَالِ

Terjemahan: “Melainkan seseorang yang terkenal dengan sikap sabar, lalu ia mengutamakan orang lain berbanding dirinya walaupun ia dalam keadaan yang memerlukan, sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Bakr RA ketika ia menyedekahkan hartanya, demikian juga golongan Ansar yang mengutamakan golongan Muhibbin. Seterusnya Nabi SAW melarang seseorang itu mensia-siakan harta.”³⁵

Berdasarkan permasalahan ini, terdapat dalam kalangan fuqaha yang mengatakan bahawa harus menyedekahkan keseluruhan harta, sekiranya si penyedekah itu memahami dirinya memiliki sikap tawakkal, boleh bersabar dengan kesusahan daripada meminta-minta kepada orang lain, atau ia memperolehi pendapatan sendiri hasil daripada perusahaan yang dilakukan olehnya seperti pembuatan, pertukangan dan sebagainya. Para ulama bermazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī mengatakan bahawa *istihbāb*

³⁵ *Ibid.*, 2: 112.

seseorang itu menyedekahkan keseluruhan hartanya.³⁶ Oleh yang demikian, tiada larangan untuk seseorang itu menunaikan zakat walaupun ia tidak melakukan penolakan nilai hutang, keperluan peribadi dan ahli keluarganya apabila nilai pendapatannya mencukupi *niṣāb* untuk ia menunaikan zakat.

Islam amat menitik beratkan mengenai hutang yang perlu dilunaskan oleh seseorang yang berhutang. Jika seseorang itu mempunyai hutang dengan orang lain, ia tidak boleh membayar zakat terlebih dahulu untuk mengelak dirinya daripada melunaskan hutang orang lain. Hutang lebih berhak dilunaskan berbanding zakat. Hal ini kerana berasaskan kepada sabdaan Nabi SAW yang mengatakan bahawa seseorang yang mengambil harta orang lain, lalu bertujuan memusnahkan harta itu kerana tidak mahu melunaskannya, maka Allah akan memusnahkan harta orang tersebut. Mensia-siakan harta orang lain dengan alasan zakat, merupakan larangan daripada Nabi SAW. Imam al-Bukhārī mengatakan dalam *tarjamah* babnya dengan katanya:

فَالَّذِينُ أَحَقُّ أَنْ يُفْضَى مِنَ الصَّدَقَةِ، وَالْعِتْقِ وَالْهِيَةِ، وَهُوَ رُدٌّ عَلَيْهِ
لَيْسَ لَهُ أَنْ يُثْلِفَ أَمْوَالَ النَّاسِ

Terjemahan: “Hutang lebih berhak untuk ditunaikan berbanding sedekah, membebaskan hamba dan melakukan hibah, kerana hutang itu ditanggung ke atasnya untuk melunaskannya, maka ia tidak sepatutnya memusnahkan harta orang lain.”³⁷

³⁶ Muḥammad Amīn al-Shahīr bi Ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Muhtar ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, c. 2, (t.p.: Dar al-Fikr, 1966), 2: 357; al-Qādī ‘Abd al-Wahhāb al-Baghdādī, *al-Ma‘ūnah ‘alā Madhhab Ahl al-Madīnah*, 3: 1617-1618; Shihāb al-Dīn Ahmad Ibn Idrīs al-Qarāfī, *al-Dhakhīrah*, (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi, 1994), 6: 288; Abū Zakariyyā’ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, 2: 203; Abū Zakariyyā’ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfaż al-Minhāj Sharḥ al-Shaykh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb ‘alā Matn al-Minhāj* (Makkah: al-Maktabah al-Faysaliyyah, t.t.), 3: 122; Abū Zakariyyā’ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdab* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 6: 236; Abū Zakariyyā’ Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfaż*, 66.

³⁷ Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah Ibn Bardizbah al-Bukhārī al-Ju‘fī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, 2: 112.

Berdasarkan *tarjamah* bab yang dibincangkan oleh Imam al-Bukhārī mengenai permasalahan ini, beliau meriwayatkan salah satu hadith daripada Abu Hurairah r.a. iaitu:

حَيْثُ الصَّدَقَةُ مَا كَانَ عَنْ ظَهِيرٍ غَنِّيٌّ، وَابْدَأْ إِمَّنْ تَعْوُلُ

Terjemahan: “Sebaik-baik sedekah adalah setelah keperluan mencukupi. Dan mulalah daripada orang yang menjadi tanggunganmu.”³⁸

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī di atas menunjukkan bahawa penunaian zakat menerusi cara yang terbaik ialah datangnya daripada orang yang kaya, dengan erti kata lain zakat itu dilakukan setelah ditolak pembayaran terhadap keperluan diri dan ahli keluarganya. Ini merupakan sedekah yang afdal.³⁹ Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa hutang yang ditanggung oleh seseorang itu serta perbelanjaan asas untuk diri dan keluarganya boleh ditolak daripada kewajipan berzakat. Hutang seseorang dan keperluan asas diri dan keluarga itu perlu dilunaskan terlebih dahulu berbanding menunaikan kewajipan zakat.

Terdapat kaedah pembayaran zakat pendapatan seperti yang dikemukakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah iaitu kaedah tanpa tolakan pendapatan kasar, dan kaedah penolakan keperluan hidup (asas) setahun.⁴⁰ Dua kaedah ini adalah bertepatan dengan perbincangan yang diisyaratkan oleh Imam al-Bukhārī dalam karya *Sahīhnya*.

Pembayaran Zakat Dengan Nilai

Sekiranya diperhatikan kepada jenis-jenis zakat yang perlu ditunaikan, sebahagian besarnya bukanlah dalam bentuk nilai semata-mata seperti zakat pertanian, zakat penternakan dan zakat fitrah. Namun begitu, ada

³⁸ *Ibid.*, dalam Kitab al-Zakāh, Bab Lā Ṣadaqah illā ‘an Zahr Ghinān, no. hadith 1426.

³⁹ Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 3: 296.

⁴⁰ Laman sesawang *Lembaga Zakat Negeri Kedah*, diakses pada 7 November 2022, <https://www.zakatkedah.com.my/zakat-pendapatan/>.

perbincangan ulama berkaitan dengan penunaian zakat dengan nilai yang menggantikan barang yang dizakatkan. Hal ini turut dibincangkan oleh Imam al-Bukhārī dalam karya *Sahihnya* dengan katanya: “*Masalah Benda (Selain Emas dan Perak) dalam Zakat*”.⁴¹

Berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam *tarjamah* bab tersebut, menunjukkan bahawa menunaikan zakat pertanian misalnya boleh dilakukan dengan benda lain yang senilai dengan hasil pertanian itu, sekiranya hal itu lebih memudahkan urusan pembayaran zakat, serta lebih memberi manfaat kepada asnaf. Demikian juga dengan zakat perternakan, sekiranya tiada binatang untuk diberikan zakat, penunaianya boleh dengan apa sahaja binatang dan benda yang ada di sisi pembayar zakat, yang menyamai nilai binatang zakat yang sebenar. Imam al-Bukhārī menyatakan dalam *tarjamah* bab dengan katanya:

بَابُ الْعَرْضِ فِي الرِّغَاءِ. وَقَالَ طَاؤُسٌ: قَالَ مُعَاذٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لِأَهْلِ
الْيَمَنِ: «ائْتُونِي بِعِرْضٍ ثَيَابٍ حَمِيصٍ - أَوْ لَبِيسٍ - فِي الصَّدَقَةِ
مَكَانَ الشَّعِيرِ وَالذِّرَّةِ أَهُوْنُ عَلَيْكُمْ وَخَيْرٌ لِأَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ»

Terjemahan: “Bab Harta yang Wajib Dizakati (Selain Emas dan Perak). Dan telah berkata Tawus: Mu‘adh RA pernah berkata kepada penduduk Yaman: “Berikanlah kepadaku barang berupa pakaian khamis atau pakaian lainnya sebagai ganti gandum dan jagung dalam zakat. Hal itu lebih mudah bagi kalian dan lebih baik/bermanfaat bagi para shahabat Nabi SAW di Madinah.”⁴²

⁴¹ Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah Ibn Bardizbah al-Bukhārī al-Ju‘fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2: 116.

⁴² *Ibid.*

Berdasarkan *tarjamah* bab yang dikemukakan oleh Imam al-Bukhārī serta *athar* yang dinukilkan oleh beliau, ternyata bahawa zakat pertanian yang berupa gandum dan jagung digantikan dengan *khamis* atau pakaian, agar pemberian seperti itu lebih bermanfaat kepada asnaf yang menerimanya.

Berkaitan permasalahan penunaian zakat pertanian dan penternakan dengan nilai, ulama berbeza pandangan mengenainya. Ada yang membolehkan dan ada yang melarang. Ulama yang bermazhab Ḥanafī,⁴³ al-Qādī Abū Muḥammad daripada ulama bermazhab Mālikī,⁴⁴ satu wajah pandangan di sisi ulama bermazhab Shāfi‘ī,⁴⁵ dan satu riwayat daripada Imam Aḥmad⁴⁶ membolehkan penunaian zakat tersebut dengan nilai. Alasan mereka ialah zakat merupakan hak Allah SWT. Ia diagihkan kepada para asnaf terutamanya golongan fakir dan miskin, bagi mencukupkan keperluan hidup mereka. Menerusi kewajipan berzakat, ia merupakan rezeki daripada Allah SWT terhadap golongan tersebut. Oleh yang demikian, perkara yang perlu diambil kira bagi menampung keperluan golongan tersebut ialah dengan diberikan apa sahaja jenis zakat dalam bentuk nilai, sekiranya hal itu bersesuaian dengan keperluan mereka.⁴⁷

⁴³ Muhammad Amīn al-Shahīr bi Ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Muhtar ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, 2: 285-286; Shams al-Dīn al-Sarkhasī, *al-Mabsūt*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 2: 156; Kamāl al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Wāhid al-Siwāsī, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, c. 2, (t.p.: Dār al-Fikr, 1977), 2: 191; Zayn al-Dīn Ibn Najim al-Ḥanafī, *al-Bahr al-Raqā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 2: 237.

⁴⁴ Al-Qādī Abū al-Walīd Sulaymān Ibn Khalf Ibn Sa‘d Ibn Ayyub Ibn Warith al-Baji al-Andalusi, *al-Muntaqa Sharḥ Muwatta’ Malik*, c. 2, (Misr: Dar al-Kutub al-Islami, t.t.), 2: 135.

⁴⁵ Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdab* (t.p.: Dar al-Fikr, t.t.), 5: 429; Abū Yahyā Zakariyyā’ al-Anṣārī al-Shāfi‘ī, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Tālib* (t.p.: al-Maktabah al-Islamiyyah, t.t.), 1: 343.

⁴⁶ ‘Alā’ al-Dīn Abī al-Hasan ‘Ali Ibn Sulaymān al-Mardawī, *al-Insāf fi Ma‘rifah al-Rājih min al-Khilāf*, 3: 182; Nāṣir al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abdullāh al-Samīrī, *al-Mustaw‘ab*, (al-Riyad: Maktabah al-Ma‘arif Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, t.t.), 3: 234; Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘āni Alfāz al-Minhāj Sharḥ al-Shaykh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb ‘alā Matn al-Minhāj*, 2: 156.

⁴⁷ Shams al-Dīn al-Sarkhasī, *al-Mabsūt*, 2: 157.

Manakala jumhur ulama tidak membenarkan penunaian zakat pertanian, penternakan dan zakat fitrah dengan nilai. Sekiranya dalam situasi *darūrah*, ulama bermazhab Shafi‘ī mengatakan bahawa dalam kes seseorang yang diwajibkan membayar seekor kambing untuk lima ekor unta, lalu didapati kambing itu tiada, serta tidak memungkinkan untuk ia mendapatkan kambing itu, maka ia boleh menunaikan dengan nilai kambing tersebut, berserta dengan dirham.⁴⁸

Alasan mereka yang tidak membenarkan zakat pertanian, penternakan dan zakat fitrah dibayar dengan nilai adalah atas dasar yang merujuk kepada konsep pembersihan harta (menurut jenis harta yang dizakatkan), justeru tidak sesuai digantikan dengan nilainya.⁴⁹ Penunaian zakat dengan nilai menyebabkan ia lari daripada kehendak nas dalam pensyariatan zakat, mengakibatkan penunaian zakat itu tidak sah.⁵⁰ Selain itu, kewajiban berzakat adalah untuk memenuhi keperluan golongan fakir dan rasa bersyukur mereka atas nikmat harta yang diberikan kepada mereka. Keperluan seseorang itu pula adalah pelbagai, maka sepatutnya diserahkan kepada golongan fakir berdasarkan kepelbagaian jenis nikmat yang Allah berikan kepada manusia. Dengan cara ini, akan terhasillah kebersamaan rasa bersyukur antara golongan fakir dengan golongan pembayar zakat terhadap jenis nikmat harta yang Allah kurniakan kepada mereka.⁵¹

Imam al-Bukhārī dalam permasalahan ini dilihat cenderung untuk mengatakan bahawa boleh membayar zakat dengan nilai. Ibn al-Rashid mengatakan bahawa Imam al-Bukhārī dalam permasalahan ini bersesuaian dengan mazhab Hanafi, walaupun dalam permasalahan lain, mereka banyak berbeza. Persamaan dan perbezaan pandangan tersebut berpunca daripada dalil yang digunakan oleh mereka.⁵²

⁴⁸ Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, 5: 431; *Ibid.*, 1: 372.

⁴⁹ Al-Qādī Abū al-Walīd Sulaymān Ibn Khalf Ibn Sa‘ad Ibn Ayyub Ibn Warith al-Baji al-Andalusi, *al-Muntaqa Sharḥ Muwatta’ Malik*, 2: 135.

⁵⁰ Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj Sharḥ al-Shaykh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb ‘alā Matn al-Minhāj*, 2: 358.

⁵¹ *Ibid.*, 2: 357-358.

⁵² Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī*, 3: 312.

Oleh yang demikian, berdasarkan perbezaan pandangan ulama dalam penunaian zakat ini, memberikan keluasan kepada umat Islam untuk menunaikan zakat yang bersesuai dengan situasi dan maslahah masing-masing. Misalnya di Malaysia, institusi zakat di Terengganu,⁵³ Sabah⁵⁴ dan Kedah⁵⁵ menggunakan kaedah nilai harga binatang ternakan untuk penunaian zakat ternakan, berbanding negeri-negeri lain yang kekal dengan penyerahan binatang untuk zakat ternakan. Manakala zakat tanaman, kebanyakannya negeri di Malaysia mengenakan kaedah bayaran berdasarkan kepada nilai, bukan dengan tanaman itu sendiri. Contohnya institusi zakat di Selangor,⁵⁶ Perlis,⁵⁷ Pahang,⁵⁸ Kedah,⁵⁹ Terengganu,⁶⁰ dan Sabah.⁶¹ Selain itu, ketika Aymān al-‘Anqarī ditanya mengenai permasalahan mengeluarkan zakat bukan dari jenisnya yang asal, beliau mengatakan bahawa harus mengeluarkan zakat yang bukan dari jenis asalnya untuk tujuan kemaslahatan yang menepati syarak, sama ada kemaslahatan yang berkaitan dengan golongan fakir atau kemaslahatan yang berkaitan dengan harta zakat itu sendiri. Misalnya, harus bagi seseorang itu mengeluarkan zakat binatang dengan wang ringgit, ganti

⁵³ Laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu*, diakses pada 5 September 2022, <https://ezakat.maidam.gov.my/online/kalkulatorternakan.php>.

⁵⁴ Laman Sesawang *Majlis Ugama Islam Sabah*, diakses pada 5 September 2022, <https://appszakat.sabah.gov.my/kalkulatorTernakan.php>.

⁵⁵ Laman sesawang *Lembaga Zakat Negeri Kedah*, <https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat/tabkirazakat.php?op=1&ibx=04>, diakses pada 5 September 2022.

⁵⁶ Laman Sesawang *Lembaga Zakat Selangor*, diakses pada 5 September 2022, <https://www.zakatselangor.com.my/keputusan-syariah-zakat/kiraan-zakat-padi/>.

⁵⁷ Laman Sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis*, diakses pada 5 September 2022, https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=70&Itemid=840&lang=ms.

⁵⁸ Laman Sesawang *Pusat Kutipan Zakat Pahang*, diakses pada 5 September 2022, <https://new.zakatpahang.my/index.php/kira-zakat/kalkulator-zakat-pertanian>.

⁵⁹ Laman sesawang *Lembaga Zakat Negeri Kedah*, diakses pada 5 September 2022, <https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat/tabkirazakat.php?op=1&ibx=02>.

⁶⁰ Laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu*, diakses pada 5 September 2022, <https://ezakat.maidam.gov.my/online/kalkulatortanaman.php>.

⁶¹ Laman Sesawang *Majlis Ugama Islam Sabah*, diakses pada 5 September 2022, <https://appszakat.sabah.gov.my/kalkulatorPadi.php>.

kepada binatang ternakan yang dikenakan zakat itu, sekiranya golongan fakir lebih memerlukan wang ringgit berbanding binatang ternakan.⁶²

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, membuktikan bahawa para ulama hadith dalam karya hadith, turut menyentuh berkaitan dengan permasalahan fiqh, yang tidak hanya sekadar mengumpulkan hadith semata-mata. Dalam *Sahih al-Bukhārī* yang membicarakan mengenai zakat, banyak disentuh oleh Imam al-Bukhārī berkaitan dengan fiqh yang mengandungi sebanyak 78 permasalahan zakat serta 118 teks hadith. Berdasarkan kepada permasalahan yang dikemukakan oleh beliau, terdapat beberapa tajuk yang masih relevan dibincangkan pada masa kini. Antara permasalahan yang dibincangkan ialah: 1) tersalah memberi zakat kepada orang yang tidak berhak, 2) hutang, keperluan dan zakat, dan 3) pembayaran zakat dengan nilai. Semoga permasalahan yang dibincangkan ini dapat memberikan satu keluasan fiqh dalam mengamalkan zakat di bumi Malaysia.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Ghanī al-Ghanīmī al-Dimashqī al-Maydānī al-Hanafī. *Al-Lubāb fī Sharḥ al-Kitāb*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1993.
- Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibnu Ismā‘il Ibnu Ibrāhīm Ibnu al-Mughīrah Ibnu Bardizbah al-Bukhārī al-Ju‘fī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Misr: al-Sultaniyyah, 1311H.
- Abū Yaḥyā Zakariyyā’ al-Anṣārī al-Shāfi‘ī. *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Tālib*. t.t.: al-Maktabah al-Islamiyyah, t.t.
- Aḥmad al-Ma‘rūf Shāh Waliyullāh ‘Abd al-Rahīm al-Dihlawī. *Hujjatullāh al-Balighah*. Kaherah: Dar al-Turāth, t.t.
- ‘Alā’ al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī Ibnu Sulaymān al-Mardawī. *Al-Inṣāf fī Ma‘rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibnu Aḥmad Ibnu ‘Uthmān. *Siyar A‘lām al-Nubalā’*. Beirut: Dār al-Fikr, 1997.

⁶² Aymān Ibnu Su‘ūd al-‘Anqarī, *al-Masā'il al-Mustajaddah fī Nawāzil al-Zakāh al-Mu‘āṣirah*. al-Riyād: Dār al-Mayman, 2009), 175-176.

- Al-Kasānī al-Hanafī, ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr Ibn Mas‘ūd. *Al-Badā’i‘ al-Sanā’i‘ fī Tartīb al-Sharā’i‘*. Misr: Matba‘ah al-Imām, t.t.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad Ibn ‘Ali. *Tārīkh Baghdād Aw Madīnah al-Islām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.
- Al-Kirmānī, Ṣahīḥ al-Bukhārī bi Sharḥ al-Kirmānī. t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf. *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdab*. t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf. *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj Sharḥ al-Shaykh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb ‘alā Matn al-Minhāj*. Makkah: al-Maktabah al-Faysaliyyah, t.t.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf. *Rawḍah al-Tālibīn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf. *Ṣahīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*. t.tp.: Dār al-Fikr, 1983.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā’ Yahyā Ibn Sharaf. *Tahdhīb al-Asmā‘ Wa al-Lughāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Qādī ‘Abd al-Wahhāb al-Baghdādī. *Al-Ma‘ūnah ‘alā Madhab Ahl al-Madīnah*. Al-Riyād: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāzz, t.t.
- Al-Qādī Abū al-Walīd Sulaymān Ibn Khalf Ibn Sa‘d Ibn Ayyūb Ibn Wārith al-Bājī al-Andalūsī. *Al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭā’ Mālik*, c. 2. Misr: Dār al-Kutub al-Islāmī, t.t.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf Ibn ‘Abdullāh. *Al-‘Ibādah fī al-Islām*, c. 15. Misr: Maktabah Wahbah, 1985.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf Ibn ‘Abdullāh. *Al-Sunnah Masdaran li al-Ma‘rifah Wa al-Ḥadārah*, c. 3. Kaherah: Dār al-Shurūq, 2002.
- Al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn Idrīs. *Al-Dhakhīrah*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994.
- Al-Qurṭubī, Abū al-Fidā’ ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣār. *Al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.
- Al-Shāfi‘ī, Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Idrīs. *Al-Umm*. t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.
- Asrul Dauly & Ja‘far, *Falsafah Pendidikan Islami Menguak Nilai-nilai Pendidikan Dalam Tradisi Islam*. Medan: Perdana Publishing, 2016.
- Aymān Ibn Su‘ūd al-‘Anqarī. *Al-Masā’il al-Mustajaddah fī Nawāzil al-Zakāh al-Mu‘āṣirah*. Al-Riyād: Dār al-Maymān, 2009.

- Fakhr al-Dīn ‘Uthman Ibn ‘Alī al-Zayla‘ī al-Ḥanafī. *Tabyīn al-Ḥaqā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, c. 2. Kaherah: Matabi‘ al-Faruq al-Hadithah, t.t.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Şahīh al-Bukhārī*. Al-Riyāḍ: Dār Ṭaybah, 2005.
- Ibn Khalkān, Abū al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Abī Bakr. *Wafayāt al-A'yān Wa Anbā' Abnā' al-Zaman*. Beirut: Dār Sābir, t.t.
- Kamāl al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Wāhid al-Siwasī Thumma al-Sakandarī al-Ma'rūf bi Ibn al-Hamām al-Ḥanafī. *Sharḥ Fath al-Qadīr*, c. 2. t.tp.: Dar al-Fikr, 1977.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Mansur Ibn Yunus Ibn Idris al-Buhūtī. *Kashf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*. Beirut: Dār al-Fikr, 2003.
- Manṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī. *Sharh Muntahā al-Irādat al-Musammā Daqā’iq Uli al-Nuhā li Sharh al-Muntahā*, j. 3. Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1993.
- Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī. ‘Ulūm al-Hadīth Aṣīluhā Wa Mu‘āṣiruhā, c. 6. Kajang: Dar al-Shakir, 2009.
- Muhammad Amīn al-Shahīr bi Ibn ‘Ābidīn. *Hāshiyah Radd al-Muhtar ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, c. 2. t.tp.: Dār al-Fikr, 1966.
- Muhammad Anwār al-Kashmīrī al-Diyūbandī. *Fayḍ al-Bārī ‘alā Şahīh al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- Nāṣir al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abdullāh al-Samīrī. *Al-Mustaw‘ab*, j. 3. Al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr Wa al-Tawzī‘, t.t.
- Nūr al-Dīn ‘Itr. *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Hadīth*, c. 3. Dimashq: Dār al-Fikr, 2003.
- Shams al-Dīn al-Sarkhasī. *Al-Mabsūt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Zayn al-Dīn Ibn Najim al-Ḥanafī. *Al-Bahr al-Raqā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.

Sumber Internet

Laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu*, diakses pada 5 September 2022, <https://ezakat.maidam.gov.my/online/kalkulatorternakan.php>.

- Laman Sesawang *Majlis Ugama Islam Sabah*, diakses pada 5 September 2022, <https://appszakat.sabah.gov.my/kalkulatorTernakan.php>.
- Laman sesawang *Lembaga Zakat Negeri Kedah*, <https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat/tabkirazakat.php?op=1&ibx=04>, diakses pada 5 September 2022.
- Laman Sesawang *Lembaga Zakat Selangor*, diakses pada 5 September 2022, <https://www.zakatselangor.com.my/keputusan-syariah-zakat/kiraan-zakat-padi/>.
- Laman Sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis*, diakses pada 5 September 2022, https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=70&Itemid=840&lang=ms.
- Laman Sesawang *Pusat Kutipan Zakat Pahang*, diakses pada 5 September 2022, <https://new.zakatpahang.my/index.php/kira-zakat/kalkulator-zakat-pertanian>.
- Laman sesawang *Lembaga Zakat Negeri Kedah*, diakses pada 5 September 2022, <https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat/tabkirazakat.php?op=1&ibx=02>.
- Laman sesawang *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu*, diakses pada 5 September 2022, <https://ezakat.maidam.gov.my/online/kalkulatortanaman.php>.
- Laman Sesawang *Majlis Ugama Islam Sabah*, diakses pada 5 September 2022, <https://appszakat.sabah.gov.my/kalkulatorPadi.php>.
- Wan Noor Hayati Wan Alias dan Wan Nur Falqha Wan Hazani, 4000 Penerima Zakat Selangor Dikesan ‘Tak Asli’, laman sesawang *Berita Harian Online*, diakses pada 7 November 2022, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/80790/4000-penerima-zakat-selangor-dikesan-tak-asli>.